KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18.02.22	MUKA SURAT	:	39
JABATAN	:	TNB			

Unit TNB tawar penyelesaian PV solar

Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Bhd, TNBX Sdn Bhd (TNBX) menjalin kerjasama dengan Allianz General Insurance Company (Malaysia) Bhd (Allianz General) dan Anora Agency untuk menawarkan insurans fotovolta (PV) solar kediaman, SuriaShield.

Dalam satu kenyataan bersama, ketiga-tiga pihak menyatakan SuriaShield, jenama yang dimiliki bersama oleh TNBX dan Anora, adalah insurans PV solar kediaman mampu milik yang menawarkan perlindungan 360 darjah secara komprehensif, pembaikan dan pemulihan tanpa tunai dan pampasan pendapatan atau simpanan ketika berlaku kerosakan sistem.



Nirinder Singh Johl

Di bawah perjanjian kerjasama tiga pihak yang ditandatangani itu, Allianz General dan Anora akan membangunkan dan menaja jamin SuriaShield untuk TNBX, iaitu sebuah syarikat yang menawarkan penyelesaian dalam tenaga yang boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga bagi kediaman dan perniagaan.

Pengarah Urusan TNBX, Nirinder Singh Johl, berkata kerjasama ini akan memacu tawaran nilai yang lebih baik untuk pemilik PV solar serta menyediakan perlindungan penuh untuk aset PV mereka.

"Dengan lebih ramai orang yang memilih tenaga elektrik solar, pasaran untuk insurans solar akan berkembang. TNBX akan terus berusaha untuk memperkenalkan penyelesaian baharu untuk menambah baik pengalaman pelanggan dan mempromosikan perkembangan tenaga yang boleh diperbaharui di Malaysia," tambahnya.

Ketua Pegawai Eksekutif Allianz General, Sean Wang, pula berkata bersama-sama TNBX, ia kini mempunyai akses kepada satu lagi platform dan peluang untuk memberi perkhidmatan kepada asas pelanggan baharu.

"Sebagai penanggung insurans, kami mempunyai peranan yang penting dalam meneraju penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui dan menyokong keinginan untuk bertukar kepada tenaga solar," katanya.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Anora, Samuel Soon, pelancaran SuriaShield tepat pada masanya untuk memenuhi keperluan *feed-in-tariff* sedia ada dan penggunaan pemeteran tenaga bersih yang kian meningkat.